

<Nama Pelanggan>

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) (“Syarikat”)



Smart Health Protector-<200/300>-<500/2.5K/5K/20K/20K-R>

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

KETAHUI LEBIH LANJUT:

Risalah Pemberitahuan Produk menyediakan sebahagian maklumat penting untuk pertimbangan anda sebelum membeli polisi insurans perubatan yang memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya. Anda hendaklah membaca kontrak polisi insurans dengan teliti bagi maklumat penuh berkenaan perlindungan anda.

Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut.

Langkah 1 Adakah rider ini sesuai untuk anda?

- Rider ini melindungi perbelanjaan kemasukan hospital dan pembedahan (“H&S”) yang ditanggung bagi sakit yang dilindungi di bawah rider sehingga umur <80/100> tahun hari jadi berikut.
- Unit akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan anda bagi dana risiko insurans untuk membayar caj insurans (COI). COI anda akan dikumpulkan dengan COI pemilik polisi lain untuk membayar tuntutan. Jika tuntutan keseluruhan yang dibayar daripada dana pengumpulan COI adalah tinggi, COI bagi semua pemilik polisi dalam kumpulan yang sama mungkin meningkat, termasuk COI anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan**.

Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apakah yang dilindungi?

- Bilik & Hidangan Hospital: RM<200/300>
- Bayaran pembedahan: Seperti caj yang dikenakan. Manfaat dibayar secara tanpa tunai dan tertakluk pada:
 - Had tahunan: RM<5,000,000/8,000,000>
 - Had seumur hidup: Tiada had

Apakah yang tidak dilindungi?

- Keadaan perubatan anda yang sedia wujud atau sebarang gejala, sebelum membeli pelan (iaitu sakit sedia ada)
- Penyakit tertentu (contohnya tekanan darah tinggi, kencing manis) yang berlaku dalam tempoh menunggu 120 hari
- Pembedahan plastik atau kosmetik

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi dengan teliti bagi maklumat penuh berkenaan manfaat yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Langkah 3 Bolehkah anda menanggung kenaikan caj insurans (COI) dari semasa ke semasa?


Jadual Unjuran COI

Umur hari jadi berikut	COI semasa bagi umur hari jadi berikut yang dicapai (RM)	Anggaran COI		Dalam jangka panjang, anda boleh mengurangkan COI yang dibayar melalui pilihan pelan dengan: (a) Deduktibel yang lebih tinggi. (b) Insurans bersama yang lebih tinggi. (c) Had tahunan/seumur hidup yang lebih rendah.
		Berdasarkan inflasi perubatan 7% ¹ setahun (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan 10% setahun (RM)	

- Unjuran di atas untuk **tujuan ilustrasi sahaja**.
- COI akan terkesan dengan kedua-dua peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan jagaan kesihatan oleh pemilik polisi. Ia boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar lebih tinggi atau lebih rendah berbanding ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah pembendungan kos yang diperlukan dengan kerjasama pihak berkepentingan lain bagi menguruskan kenaikan premium dari semasa ke semasa.
- COI sebenar yang anda perlu bayar bergantung pada inflasi perubatan sebenar bagi pelan yang anda beli. **Berikutan inflasi perubatan, tahap COI semasa mungkin tidak cukup untuk menampung tuntutan masa hadapan.**

<Nama Pelanggan>

¹ Ini merupakan peningkatan tahun ke tahun bagi purata kos rawatan yang dikenakan hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.



Langkah 4 Apakah lagi yang anda perlu ketahui?

- Anda mestilah menjawab soalan kami dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan menjawab soalan akan menyebabkan tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Jika anda memutuskan untuk tidak meneruskan rider ini dalam tempoh 15 hari kalendar selepas polisi dihantar kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan rider dan Syarikat akan menguatkuasakan semula unit yang telah ditolak bagi pembayaran COI (ditolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula selepas tempoh menunggu berikut yang dikira daripada tarikh risiko berkuat kuasa rider ini.

Keadaan	Tempoh Menunggu
Manfaat yang diinsuranskan akibat sakit	30 hari
Penyakit tertentu	120 hari

- Komisen yang dibayar kepada ejen insurans anda merupakan sebahagian daripada premium bagi polisi asas anda. Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi dengan teliti bagi maklumat penuh berkenaan terma dan syarat utama.

Langkah 5 Adakah anda telah mempertimbangkan produk lain yang mungkin memenuhi keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk Perubatan

Nama	Produk Perubatan yang Anda Pilih	Pilihan Produk Perubatan Alternatif	
	Smart Health Protector-<200/300>-<500/2.5K/5K/20K/20K-R>	Pilihan 1	Pilihan 2
Premium Tahunan ²	RM<annual premium> <i>Ini termasuk premium tahunan bagi polisi insurans hayat asas dengan rider perubatan sahaja, anggaran berdasarkan jumlah asurans asas minimum sebanyak RM<xxx> dan Dana Lion Fixed Income.</i>		
Insurans Bersama/ Deduktibel	Deduktibel RM<500/2,500/5,000/20,000/20,000 dengan pilihan persaraan ³ > bagi setiap tahun polisi Rawatan pesakit luar: 5% insurans bersama sehingga RM500 bagi setiap tahun polisi		
Had Tahunan	RM<5,000,000/8,000,000>		
Had Seumur Hidup	Tiada had		
Jenis	Kemudahan tanpa tunai <i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>		
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur <80/100> tahun hari jadi berikut <i>'Pembaharuan dijamin tetapi COI tidak dijamin'</i>		
Bilik & Hidangan Hospital	RM<200/300> sehari		

<Nama Pelanggan>

Bayaran Pembedahan	Seperti caj yang dikenakan		
<ul style="list-style-type: none">• Deduktibel: Jumlah tetap yang anda perlu bayar sebelum perlindungan sebenar anda bermula. Contohnya, deduktibel RM300 bermaksud anda perlu membayar RM300 dari poket sendiri dan kami akan membayar bakinya (sehingga had yang berkenaan).• Insurans Bersama: Peratusan tetap bagi caj perubatan yang anda perlu bayar. Contohnya, 20% insurans bersama bermaksud anda hanya perlu membayar 20% daripada setiap bil perubatan (sehingga had yang berkenaan), dan kami akan menanggung sebanyak 80%.• Had tahunan: Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan dalam setahun.• Had seumur hidup: Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan bagi seumur hidup.			

Jadual ini tidak merangkumi semua ciri produk sebagai perbandingan. Sila rujuk kepada kami/ejen anda untuk maklumat lanjut berkenaan perbezaan ciri produk-produk ini.

² Premium keseluruhan yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza mengikut keperluan taja jamin Syarikat. Premium tahunan hendaklah dibayar sehingga umur <70/75/80> tahun hari jadi berikut. Sila rujuk Ilustrasi Jualan produk masing-masing untuk amaun premium yang perlu dibayar selanjutnya

³ Pilihan persaraan membolehkan anda menukar pelan deduktibel RM20,000 kepada pelan deduktibel RM5,000 apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 60 tahun hari jadi berikut tanpa taja jamin.

Nota: Kemudahan tanpa tunai hanya boleh digunakan untuk hospital terpilih dan tertakluk pada pengesahan sebelum kemasukan hospital.

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”) UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman sesawang greateasternlife.com, atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.